

*Jurnal Kinabalu V(1999) 197-199*

## **ALAM SEKITAR: PERMASALAHAN DAN PENGAWALAN**

**Penulis:** Surtahaman Kastin Hasan & Abd. Ghafar Ismail

**Penerbit:** Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur 169. hlm.

**ISBN:** 9836255567

*Mohammad Tahir Mapa\**

Buku ini mengandung 158 muka surat dan dikarang oleh Surtahman Kastin Hassan dan Abd. Ghafar Ismail. Kedua-dua mereka berkhidmat di Fakulti Ekonomi, Universiti Kebangsaan Malaysia. Buku ringkas tetapi padat ini membincangkan alam sekitar dan isu-isu yang berkaitan. Pada pendapat saya buku yang mengandungi sembilan bab ini boleh dibahagikan kepada tiga bahagian utama. Pertama, iaitu bab 1,2 dan 3 membincangkan persoalan ekonomi dan pendekatan ekonomi dalam menganalisa alam sekitar dan masalahnya. Dalam bab satu penulis telah cuba mengungkapkan beberapa pertimbangan penting yang mendasari permasalahan alam sekitar. Aspek penting yang dibincangkan ialah mengenai penduduk dan pertumbuhan penduduk serta elemen penting dalam pertumbuhan ekonomi. Bahagian ini agak penting untuk dibincangkan kerana penduduk merupakan unsur penting di sebalik kemunculan masalah alam sekitar. Dalam bab dua dan tiga perbincangan tertumpu kepada konsep asas ekonomi yang dapat digunakan untuk menganalisis masalah alam sekitar. Kedua-dua bab ini mungkin agak sukar difahami bagi mereka yang tidak mempunyai latar belakang ekonomi. Namun begitu, kandungan bab ini penting difahami oleh seorang pengurus atau mana-mana pihak berkuasa yang mahu meninjau implikasi ekonomi ke atas alam sekitar.

---

\* Mohammad Tahir Mapa ialah Pensyarah Program Geografi, Sekolah Sains Sosial, UMS

Dalam bahagian kedua yang mengandungi bab 4, 5 dan 6 perkara pokok yang cuba dibincangkan ialah mengenai sumber alam dan masalah alam sekitar yang utama. Bahagian ini membincangkan eksplorasi sumber dan masalah kesusutan sumber seperti bijih timah dan petroleum. Hal yang agak menarik dalam bahagian ini ialah para penulis telah memberikan penekanan kepada sumber dan masalah kepupusan sumber yang berlaku di negara Malaysia. Mungkin perkara ini agak jarang diperkatakan dan diketengahkan. Walau bagaimanapun, mungkin agak baik sekiranya perbincangan sumber dan masalah kepupusan ini diperluaskan kepada sumber yang lain seperti hutan dan sumber air sungai. Ini kerana kedua-dua sumber ini memainkan peranan penting dalam kehidupan sehari-hari manusia seperti itu bekalan oksigen dan karbon serta peningkatan jumlah sungai tercemar. Dalam bab 6, khususnya, penulis telah memberikan senario pencemaran alam sekitar seperti pencemaran air (sungai, laut dan pantai), udara, tanah (buangan sampah dan pepejal), bunyi dan pencemaran-pencemaran lain (bau, haba, radioaktif dan racun makhluk perosak). Corak perbincangan yang diberikan dalam bahagian ini ialah dengan mengenangkan punca-punca utama berlakunya setiap pencemaran dengan memberikan contoh kejadian pencemaran tersebut. Perbincangan setiap satunya ditumpukan kepada situasi yang berlaku di Malaysia. Ini secara ringkas memberikan gambaran tentang apa yang berlaku. Para penulis juga memberikan gambaran mengenai status pencemaran dengan memberikan beberapa indeks pencemaran yang agak jelas.

Bahagian ketiga yang mengandungi tiga bab akhir iaitu bab 7, 8 dan 9 membincarkan secara khusus perundangan dan peraturan-peraturan yang berkait rapat dengan pengawalan alam sekitar di Malaysia. Perbincangan utama menjurus kepada Akta Kualiti Alam Sekitar tahun 1974 dan peraturan kualiti alam sekitar yang terdapat di dalam akta tersebut. Para penulis secara umumnya telah dapat memperihalkan akta tersebut dengan cukup baik serta memberikan perincian ringkas tentang bidang kuasa yang terdapat dalam akta tersebut. Perbincangan beberapa peraturan kualiti alam sekitar dalam buku ini dibuat dengan mudah, ringkas dan padat. Biarpun ringkas ia sudah cukup untuk memberikan gambaran jelas mengenai

peaturan-peraturan tersebut. Apa yang menarik ialah para penulis juga membincangkan beberapa undang-undang lain yang mempunyai peruntukan untuk mengawal alam sekitar. Antaranya ialah Ordinan Lalu Lintas Jalan Raya 1958, Akta Perlombongan petroleum 1966, Akta Kilang dan Jentera dan beberapa akta lain. Perbincangan seumpama ini dirasakan perlu kerana ia dapat memberikan satu pengetahuan tentang wujudnya peraturan lain yang berkait rapat dengan pengawalan alam sekitar. Selain itu penulis juga telah menyentuh tentang peranan beberapa pertubuhan sukarela serta kegiatan atau aktiviti mereka yang berkaitan dengan hal ehwal alam sekitar. Di antara badan sukarela yang dibicarakan ini termasuklah Sahabat Alam, Persatuan Perlindungan Alam Sekitar, Persatuan Pengguna-Pengguna Pulau Pinang, Persatuan Pencinta Alam dan Persatuan Penyelidikan dan Pengurusan Alam Sekitar. Pada bab akhir (bab 9) buku ini beberapa senario yang sedikit sebanyak membelenggu hal pengurusan alam sekitar di negara ini telah dibincangkan. Hal-hal ini termasuklah masalah pertindihan kuasa antara pihak berkuasa persekutuan dan negeri, masalah kekurangan kakitangan, teknologi dan kekurangan kesedaran umum tentang pentingnya alam sekitar. Liputan akhir sebegini tentu dapat memberikan maklumat atau setidak-tidaknya kesedaran kepada kita tentang betapa banyak lagi halangan yang perlu diatasi sebelum kita dapat merasai dan menikmati alam sekitar yang bebas dari masalah.

Seperkara yang boleh dipertimbangkan oleh para penulis buku ini ia kemungkinan memasukkan satu topik mengenai keberkesaan perundangan dan peraturan yang dilaksanakan selama ini. Ini mungkin boleh dilakukan dengan melihat status peningkatan kualiti alam sekitar di samping tindakan-tindakan yang telah dikenakan ke atas pesalah alam sekitar. Secara umumnya buku ini telah berjaya memberikan gambaran mengenai alam sekitar dan masalahnya di Malaysia dengan cara yang agak mudah dan ringkas. Buku ini juga, pada hemat saya, boleh dijadikan bahan rujukan asas oleh para pelajar alam sekitar di peringkat universiti.